

## UMP Jalin Persefahaman dengan Micromidas Inc



California, 28 Mac- Dalam memperkasa bidang penyelidikan dan merencanakan hubungan strategik dengan syarikat antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Micromidas Incorporation yang terletak di Barat Sacramento, California baru-baru ini.

Kerjasama ini merupakan hasil usaha berterusan pihak UMP dengan kerjasama BiotechCorp International Inc. untuk meningkatkan kualiti dan kerjasama dalam penyelidikan dan latihan. BiotechCorp International Inc, yang terletak di San Francisco merupakan anak syarikat Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI).



Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menandatangani MoU dengan Ketua Pegawai Teknologi Micromidas Inc, Ryan Smith. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan wakil Micromidas Inc, Kyle Wakamiya.

"Tumpuan kerjasama ini akan melibatkan bidang penyelidikan dalam menghasilkan bahan bioplastik iaitu poliester *polyhydroxyalkanoates* (PHA) dengan menggunakan sisa buangan kilang kelapa sawit yang lebih dikenali dengan singkatan bahasa Inggerisnya, *palm oil mill effluent* (POME) sebagai bahan mentah," katanya.

Selain itu, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam skop latihan, penerbitan, dan pertukaran maklumat yang dapat dimanfaatkan bersama. Manakala program sangkutan dan latihan dapat memberi peluang kepada pelajar dan staf untuk mempelajari teknologi terkini yang berkaitan POME dan PHA. Pada kunjungan ini juga delegasi UMP turut dibawa melawat sekitar makmal loji pandu Micromidas Inc.

***Berita dan gambar disediakan Hazlina Faizal dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi. Suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.***

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 06-04-2016, 14:15:47